

30/08/2001

PM ikrar terus pererat hubungan pelbagai kaum

PUTRAJAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berikrar untuk terus berusaha sedaya upaya bagi mengekalkan hubungan rapat antara rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Perdana Menteri berkata, keamanan dan keharmonian yang wujud sekarang harus dipelihara bagi memastikan peristiwa rusuhan kaum 1969 tidak berulang kerana ia merugikan semua pihak.

"Di negara-negara lain, apabila rusuhan kaum berlaku amat sukar untuk dihentikan, malah berterusan berpuluh tahun. Tetapi di Malaysia, peristiwa seperti itu (1969) cuma berlaku seketika dan menjadi pengajaran kepada semua.

"Oleh itu, keamanan dan keharmonian kaum yang wujud membolehkan kerajaan membangunkan negara ini sehingga Malaysia kini dikenali sebagai negara membangun yang termaju sekali," katanya.

Beliau berkata demikian pada perhimpunan Persatuan-persatuan Cina SeMalaysia di Padang Besar, Sekolah Menengah Putrajaya, Presint 8 di sini petang ini.

Kira-kira 2,000 orang mewakili 129 persatuan Cina dari seluruh negara hadir pada majlis itu yang bertujuan untuk menanam semangat patriotik sempena Hari Kemerdekaan yang disambut Jumaat ini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir diberikan minuman teh dikenali sebagai 'teh jubah merah' dalam acara kesenian teh sebagai pengiktirafan serta penghargaan ke atas kepemimpinannya selama 20 tahun.

"Tradisi minum teh ini, saya difahamkan adalah sebagai satu penghormatan. Saya tidak pernah diberi penghormatan seperti ini dan sebab itu saya amat menghargainya," kata Perdana Menteri pada permulaan ucapannya itu.

Beliau berkata, penghormatan itu menunjukkan kaum Cina amat taat kepada negara ini.

Oleh itu, katanya, rakyat pelbagai kaum juga perlu memberikan kesetiaan kepada negara dalam semangat kerjasama antara kaum bagi memajukan lagi Malaysia.

Dr Mahathir berkata, keharmonian kaum yang dinikmati selama ini membolehkan Malaysia dibangunkan dengan pesat sejak ia mencapai kemerdekaan 44 tahun lalu.

Malah, katanya, setiap kaum di negara ini mengamalkan sikap kesederhanaan dan tidak keterlaluan atau menjadi pelampau.

"Kaum-kaum yang ada sanggup bekerjasama dan mengorbankan kepentingan kaum masing-masing, bagi membolehkan kaum lain mendapat bahagian (pengagihan ekonomi) mereka.

"Semangat ini harus kita pelihara. Semua ini adalah hasil perjuangan pengasas kemerdekaan seperti Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Tun Tan Cheng Lock, Tun Tan Siew Sin dan Tun (V T) Sambanthan," katanya.

Beliau berkata, pengasas itu merapatkan kerjasama antara kaum dan berunding bagaimana kekayaan negara dapat dikongsi bersama sehingga keamanan wujud bagi membolehkan pembangunan berjalan lancar.

Perdana Menteri berkata, rakyat negara ini amat terhutang budi kepada pemimpin pengasas itu.

(END)